

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA
Tarikh : 30-06-2006
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA PEMIMPIN DAN PENDUKUNG
ASKAR WATANIAH

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Yang Teramat Mulia Brigedier Jeneral Tengku Muhammad Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra,
Tengku Mahkota Kelantan merangkap Komander Rejimen 506 Askar Wataniah,

Duli Yang Teramat Mulia Brigedier Jeneral Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah,
Raja Muda Perak merangkap Komander Markas Kumpulan RAJD (SP),

Yang Teramat Mulia Kolonel (Kehormat) Dato' Seri Tengku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah,
Tengku Temenggong Kedah merangkap Penasihat JAKPAW Kedah,

Yang Berhormat Dato' Haji Zainal Abidin Haji Zin,
Timbalan Menteri Pertahanan,

Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor,
Panglima Angkatan Tentera Malaysia,

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Zainal,
Panglima Tentera Darat,

Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

1. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku untuk bersama-sama patik sekalian pada majlis makan malam ini.

2. Sesungguhnya patik sekalian berasa amat sukacita sekali di atas perkenan Duli-duli Tuanku untuk berangkat ke majlis ini yang menghimpunkan seluruh pemimpin dan pendukung Askar Wataniah di negara kita ini. Ia sekali gus mencerminkan tentang komitmen dan perhatian yang diberikan oleh Duli-duli Tuanku untuk melihat Rejimen Askar Wataniah terus berkembang dan dekat dihati rakyat.

Ampun Tuanku, patik mohon perkenan Duli-duli Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

3. Pertama sekali marilah kita sama-sama menzahirkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya kita dapat berkumpul pada majlis malam ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tentera Darat kerana mengundang saya ke majlis ini dan memberi saya peluang berucap dan bermesra dengan para pemimpin dan pendukung Askar Wataniah.

4. Tahniah juga diucapkan kepada Tentera Darat kerana telah mengorak langkah menganjurkan majlis yang julung kali diadakan ini dengan mengumpulkan kesemua pemimpin dan pendukung Askar Wataniah dari seluruh negara.

5. Majlis makan malam ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan dan menyampaikan rasa terima kasih Tentera Darat kepada para pemimpin dan pendukung Askar Wataniah yang terlibat dalam pembangunan Rejimen Askar Wataniah di negara ini selain menghargai jasa yang telah dicurahkan.

6. Kerajaan sedar bahawa semenjak diwujudkan, Askar Wataniah yang berfungsi sebagai benteng kedua pertahanan negara telah menempuh banyak laluan berliku bersama-sama dengan Angkatan Tetap untuk menentang segala bentuk ancaman terhadap negara ini.

7. Di sebalik bermacam cabaran yang ditempuhi, kita harus merasa bangga kerana sejarah telah membuktikan bahawa Askar Wataniah tetap boleh dijadikan sebagai sandaran negara berdasarkan jasa dan pelbagai kejayaan yang dicapai oleh anggota pasukan ini dalam operasi-operasi yang disertai.

8. Disebabkan keyakinan yang ada jugalah, maka kerajaan telah turut menghantar anggota Wataniah menyertai Ops Pasir di Sabah.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. Sesungguhnya pihak kerajaan amat menghargai perjuangan dan jasa anggota sukarela yang telah memberi khidmat bakti tanpa berbelah bahagi kepada negara tercinta. Walaupun keadaan negara dari segi keselamatan dan kedudukan ekonominya adalah stabil, namun kita tidak boleh leka dan alpa kepada situasi yang berlaku di sekeliling kita. Sebaliknya kita mesti bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

10. Justeru, kerajaan tetap memberikan perhatian terhadap pembangunan Askar Wataniah sehingga kini. Kerajaan juga sedar peranan Askar Wataniah masih diperlukan dan tetap relevan dalam persediaan pertahanan negara sehingga bila-bila pun.

11. Pada masa yang sama kerajaan berharap rakyat akan terus memberi sumbangan tenaga dan sokongan padu terhadap kejayaan dan pembangunan Askar Wataniah. Dengan adanya sokongan yang kuat dan peningkatan penyertaan rakyat dalam unit-unit kerahan dan sukarela juga akan memudahkan kerajaan menerusi Kementerian Pertahanan melakukan perancangan yang lebih sistematik bagi menjadikan ia sebagai sebuah pasukan yang disegani di rantau ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Kerajaan sedar bahawa pasukan ini mempunyai banyak potensi yang boleh dikembangkan. Lantaran itu, kerajaan telah merancang untuk meningkatkan lagi keupayaan pasukan ini termasuk memberi lebih banyak peluang dan tanggungjawab.

13. Lanjutan daripada itu juga, Tentera Darat telah merancang untuk mewujudkan dua buah Briged 'Border Management Regiment' yang dianggotai oleh Askar Wataniah. Rejimen ini akan diperkuatkan lagi dengan elemen-elemen dari beberapa jabatan dan agensi kerajaan.

14. Secara amnya, fungsi Rejimen ini adalah mengawal selia operasi dan urusan pengawalan sempadan dari Angkatan Tetap. Mengikut perancangan sebuah markas akan terletak di Utara Semenanjung manakala sebuah lagi di Malaysia Timur. Bagi tujuan ini juga kesemua Batalion Siri 300 dan 500 yang sedia ada akan disusun semula. Menerusi pendekatan ini, kerajaan berharap penyertaan rakyat dalam pasukan ini terus dapat ditingkatkan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

15. Sebagai pemimpin dan pendukung Askar Wataniah, saya percaya dan yakin sekali bahawa kita semua boleh memainkan peranan yang besar dalam memberi keyakinan, dorongan dan sokongan kepada rakyat terutama kepada para belia, lepasan sekolah mahupun lepasan institusi pengajian tinggi untuk menyertai Askar Wataniah.

16. Sokongan dan dorongan ini diharapkan akan dapat merealisasikan perancangan Tentera Darat untuk mencapai nisbah 1:3 antara anggota tetap dengan Askar Wataniah menjelang tahun 2020.

17. Sekali lagi bagi pihak kerajaan, saya ingin merakam ucapan terima kasih kepada semua pemimpin dan pendukung Askar Wataniah kerana telah mencurahkan khidmat bakti serta keazaman dalam pembangunan Askar Wataniah ke arah pembentukan untuk menjadi satu pasukan yang kredibel .

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

18. Pada malam ini juga, saya turut diminta untuk melancarkan buku bertajuk Askar Wataniah Berkhidmat Untuk Negara. Saya tahu usaha untuk menerbitkan buku ini bukanlah sesuatu yang mudah. Kerana itulah saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada sidang pengarang buku ini di atas kesungguhan yang ditunjukkan sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

19. Buku ini saya kira amat komprehensif kerana ia turut merangkumi sejarah dan aktiviti-aktiviti kesemua kor yang mempunyai unit-unit Askar Wataniah. Saya berharap buku ini dapat dijadikan bahan rujukan dan usaha-usaha seperti ini dapat diteruskan pada masa-masa hadapan.

20. Ampun Tuanku, sekianlah sahaja ucapan patik. Sekali lagi patik menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli-duli Tuanku ke majlis ini.

Sekian Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh